

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING

TARIKH JAWAPAN : 02.04.2018

SOALAN

DR. ONG KIAN MING minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status terkini projek ladang suria 50MW yang dianugerahkan kepada 1MDB/Edra Global dan projek ladang solar 150MW yang dianugerahkan kepada Quantum Solar *Park* dan tarif yang dipersetujui untuk projek-projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

1. Kedua-dua projek solar berskala besar yang dibangunkan oleh Quantum Solar Park dan Edra Global, masih lagi di peringkat pembangunan dan masing-masing dijadualkan untuk mencapai tarikh operasi komersil pada 31 Mac 2018 dan 28 Jun 2018.
2. Memandangkan *Power Purchase Agreement (PPA)* merupakan perjanjian yang ditandatangani oleh syarikat dengan Tenaga Nasional Berhad, maklumat mengenai tarif elektrik yang dipersetujui diantara kedua-dua pihak adalah merupakan maklumat yang hanya boleh didedahkan oleh pihak-pihak yang menandatangani PPA tersebut.

Sekian, terima kasih

.....